

## LARANGAN MENGINTAI PRIVASI ORANG LAIN

Islam adalah agama yang sangat menitikberatkan adab dan akhlak dalam kehidupan bermasyarakat. Antara adab yang sering dianggap remeh, tetapi mempunyai kedudukan besar di sisi syariat, ialah adab meminta izin. Perkara ini bukan sekadar soal sopan santun, bahkan berkait rapat dengan penjagaan maruah, kehormatan dan keselamatan individu.

Hal ini dapat difahami dengan jelas melalui hadis Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang diriwayatkan oleh Sahl bin Sa'ad as-Sa'idi *Radhiallahu 'anhu*, yang menegaskan bahawa tujuan utama pensyariatan izin adalah untuk menjaga pandangan dan menghalang pencerobohan privasi.

أَنَّ رَجُلًا أَطَّلَعَ فِي جُحْرٍ فِي بَابِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَمَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
مِدْرَى يَحْكُ بِهَ رَأْسَهُ، فَلَمَّا رَأَاهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَوْ أَعْلَمُ أَنَّكَ تَنْتَظِرُنِي لَطَعَنْتُ بِهِ فِي  
عَيْنِكَ، وَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّمَا جُعِلَ الْإِذْنُ مِنْ أَجْلِ الْبَصَرِ

**Maksudnya:** “Sesungguhnya seorang lelaki telah mengintai melalui satu lubang di pintu rumah Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*, sedangkan Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* ketika itu memegang sebuah al-midra (alat kecil daripada besi) dan menggaru (atau menyisir) rambut kepala dengannya. Apabila Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* melihat lelaki itu, Baginda bersabda: ‘Kalaulah aku tahu engkau sedang mengintai, nescaya aku cucuk matamu dengan alat ini.’ Kemudian Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: ‘Sesungguhnya pensyariatan izin (meminta izin) itu adalah kerana menjaga pandangan.’”

(Hadis Riwayat Muslim, no.2156)

Dalam hadis ini, diceritakan bahawa seorang lelaki telah mengintai ke dalam rumah Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* melalui lubang pintu. Ketika itu, Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* sedang memegang sebatang alat kecil daripada besi yang digunakan untuk menggaru kepala.

Apabila Baginda menyedari perbuatan lelaki tersebut, Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda dengan nada yang tegas:

*“Sekiranya aku tahu engkau sedang mengintai aku, nescaya aku akan cucuk matamu dengan alat ini.”*

Kemudian Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam* menegaskan satu prinsip penting:

*“Sesungguhnya meminta izin itu disyariatkan kerana untuk menjaga pandangan.”*

Kata-kata ini menggambarkan betapa seriusnya Islam memandang perbuatan mengintai dan menceroboh ruang peribadi orang lain.

Mengapa Islam menekankan adab meminta izin? Pensyariatan meminta izin bertujuan untuk mengelakkan pandangan yang tidak sepatutnya, melindungi aurat dan maruah penghuni rumah, menjaga ketenteraman dan keharmonian sosial.

Firman Allah *Subhanahu wata'ala* yang bermaksud:

*“Wahai orang yang beriman, janganlah kamu memasuki rumah yang bukan rumahmu sebelum meminta izin dan memberi salam kepada penghuninya! Yang demikian itu lebih baik bagimu, agar kamu selalu ingat (mematuhi cara dan peraturan yang sopan itu)...”*

(Surah al-Nur 24:27)

Islam memahami bahawa “pandangan mengintai” adalah pintu kepada banyak kerosakan, sama ada kerosakan akhlak, fitnah, atau gangguan emosi. Oleh sebab itu, syariat menutup pintu ini lebih awal melalui adab meminta izin.

Teguran Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* dalam hadis Sahl bin Sa'ad as-Sa'idi yang disebutkan merupakan teguran keras untuk mendidik masyarakat. Ia menunjukkan bahawa pencerobohan privasi bukan perkara kecil, malah boleh membawa kepada kesan yang besar jika dibiarkan.

Islam dengan jelas melarang perbuatan mengintai, sama ada secara terang-terangan mahupun tersembunyi. Larangan ini selari dengan firman Allah *Subhanahu wata'ala* yang bermaksud:

*“...Dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan atau keaiban orang lain...”*

(Surah al-Hujurat 49:12)

Larangan ini bukan sahaja melibatkan rumah, bahkan merangkumi segala bentuk pencerobohan maklumat dan rahsia peribadi.

Dalam dunia hari ini, konsep “pandangan” tidak lagi terbatas kepada mata kasar semata-mata. Ia merangkumi kamera tersembunyi dan CCTV (Closed Circuit Television) yang disalah guna, dron yang merakam kawasan peribadi, mengintip telefon (menggodam), mesej, atau akaun media sosial orang lain tanpa izin. Semua bentuk ini termasuk dalam perbuatan yang ditegah oleh hadis ini, kerana tujuannya sama iaitu melihat sesuatu yang tidak diizinkan. Akan tetapi, terkecuali jika tindakan atau perbuatan melihat CCTV atau kamera tersembunyi atas tujuan rasmi seperti proses penyiasatan daripada pihak polis.

Hadis Sahl bin Sa'ad as-Sa'idi *Radhiallahu 'anh*, memberikan pengajaran besar bahawa Islam sangat menjaga kehormatan dan privasi manusia. Adab meminta izin bukan sekadar peraturan sosial, tetapi satu mekanisme syariat untuk menutup pintu maksiat dan memelihara keharmonian hidup bermasyarakat. Dalam apa juga zaman dan keadaan, prinsip ini kekal relevan dan wajar dihayati, terutamanya dalam era teknologi yang semakin mencabar batas privasi individu.

*Wallahu 'alam.*

جَابِرُ مَفِي سِرَاوِي  
JABATAN MUFTI SARAWAK